

# Tanam rasa cintakan perpaduan

Malaysia dikenali sebagai negara demokrasi yang aman damai dan mempunyai penduduk berbilang bangsa iaitu Melayu, Cina dan India.

Walaupun berbeza agama dan bangsa, kita masih dapat mengekalkan keamanan, kedamaian serta toleransi antara satu sama lain. Saya berasa bersyukur kerana dilahirkan dan menjadi warga negara Malaysia.

Dalam konteks pelajar contohnya, kami boleh duduk berbincang dalam kumpulan tanpa ada rasa perbezaan antara satu sama lain.

Persefahaman yang berjaya dicapai ini harus dikekalkan supaya tiada perasaan curiga antara bangsa kerana ia akan menjejaskan semangat perpaduan yang terjalin sekian lama.

Saya menyokong Konsep 1Malaysia yang diper-

“  
PERPADUAN  
KAUM PENTING  
BAGI MEMASTIKAN  
MASYARAKAT  
HARMONI DAN  
AMAN, MENING-  
KATKAN IMEJ  
NEGARA DI MATA  
DUNIA SERTA  
MENGEKALKAN  
MASYARAKAT  
YANG SALING  
MENGHORMATI”

kenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Hal ini kerana konsep ini sangat relevan dengan negara kita yang mempunyai penduduk berbilang bangsa.

Perpaduan kaum penting bagi memastikan masyarakat harmoni dan aman, meningkatkan imej negara di mata dunia serta mengekalkan masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain.

#### Kongsi budaya

Apa yang dapat saya cadangkan untuk mengekalkan dan meningkatkan perpaduan kaum di negara ini

ialah mewujudkan program ‘Budaya kita, Negara kita’.

Kita harus memastikan pembabitan semua kaum dan generasi dalam program ini agar mereka dapat berkongsi budaya masing-masing dan berinteraksi sesama mereka.

Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak ketinggalan melaksanakan program seumpama itu bagi memastikan keharmonian masyarakat kampus berbilang bangsa.

Antaranya, program larian kampus, kayuhan hidup sihat dan Festival Alam Sekitar yang dianjurkan oleh Majlis Perwaki-

lan Pelajar, membabitkan semua pelajar tanpa mengira kaum.

Program seumpama ini bukan sahaja bagi memastikan penyertaan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, malah mampu merapatkan perpaduan kaum serta membangunkan kecemerlangan mereka dalam segenap aspek.

Akhir kata, harapan saya sebagai mahasiswa ialah supaya kerajaan akan terus melaksanakan pelbagai

inisiatif bagi mengekalkan keharmonian masyarakat serta merapatkan hubungan antara kaum.

Elakkan tragedi 13 Mei 1969 daripada berulang. Ayuh kita bersama-sama menamakan sifat tanggungjawab serta menghormati sesama kita dan tanamkan perasaan cinta kepada negara agar perpaduan rakyat negara ini yang disegani masyarakat dunia akan dapat terus dikekalkan.



Mahasiswa yang berminat untuk menghantar  
rencana, boleh e-mel ke [bhvarsiti@bh.com.my](mailto:bhvarsiti@bh.com.my)